

**CABARAN DAN FAKTOR KEJAYAAN USAHAWAN WANITA
BUMIPUTERA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA
(PKS) DI NEGERI MELAKA**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

OLEH :

**NORBAITI BINTI TUKIMAN
GHAZALI BIN SEMIL@ISMAIL**

NOVEMBER 2010



Surat Kami : 600-KM (PJI. 5/4/1)
Tarikh : 1 Febuari 2010

Norbaiti binti Tukiman
Ketua Projek
Fakulti Sains Komputer & Matematik
Universiti Teknologi MARA
Melaka

Ghazali bin Semil @ Ismail
Ahli Projek
Fakulti Sains Komputer & Matematik
Universiti Teknologi MARA
Melaka

Tuan/Puan

TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN DANA KECEMERLANGAN: "CABARAN DAN FAKTOR KEJAYAAN USAHAWAN WANITA BUMIPUTERA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) DI NEGERI MELAKA"

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) telah meluluskan cadangan penyelidikan yang telah dikemukakan oleh tuan/puan bertajuk di atas dengan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Tempoh projek penyelidikan ini ialah 1 tahun, iaitu bermula **1 Febuari 2010** hingga **1 Febuari 2011**.
- ii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak **RM5,000.00 sahaja** dalam (*Kategori C*). Tuan/Puan diminta mengemukakan proposal beserta bajet yang baru mengikut kos yang diluluskan sebelum tuan/puan memulakan projek penyelidikan tuan/puan.
- iii. Pembelian peralatan komputer/printer/PDA/ alat multimedia adalah tidak dibenarkan.
- iv. Semua pembelian bahan/peralatan adalah diminta agar tuan/puan mematuhi prosedur perbendaharaan dimana pembelian melebihi RM500.00 hendaklah mengemukakan sebutharga dan borang analisa harga.
- v. Pihak tuan/puan dikehendaki mengemukakan laporan prestasi secara ringkas pada setiap enam (6) bulan sepanjang tempoh penyelidikan tuan/puan berjalan.

- iv. Tuan/Puan perlu menandatangani Borang Perjanjian Penyelidikan dengan kadar segera kerana penggunaan geran hanya akan dibenarkan setelah perjanjian ditandatangani.
- vi. **LAPORAN AKHIR** perlu dihantar sebaik sahaja projek penyelidikan **TAMAT** dan format menulis laporan akhir boleh diperolehi di laman web RMI, UiTM Shah Alam. (<http://www.rmi.uitm.edu.my>)

Sekian, harap maklum. Terima Kasih.

'SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN'

Yang benar



PROF. MADYA DR. ROAIMAH OMAR
Timbalan Pengarah Kampus
Penyelidikan & Jaringan Industri
UiTM Melaka

- s.k.
- 1. Prof. Dr. Abu Bakar bin Abdul Majeed
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Malaysia
 - 2. Pengarah Kampus
UiTM Melaka
Kampus Alor Gajah
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka
 - 3. Koordinator Program
Fakulti Sains Komputer & Matematik (FSKM)
UiTM Alor Gajah
Melaka
 - 4. Timbalan Bendahari
UiTM Melaka
Kampus Alor Gajah
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Tarikh : 15hb November 2010
No. Fail Projek : 600-KM (PJI 5/4/1)

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam

Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “CABARAN DAN FAKTOR
KEJAYAAN USAHAWAN WANITA BUMIPUTERA PERUSAHAAN KECIL
DAN SEDERHANA (PKS) DI NEGERI MELAKA”**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk “ *Cabaran Dan Faktor Kejayaan Usahawan Wanita Bumiputera Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Di Negeri Melaka*” untuk makluman pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NORBAITI BINTI TUKIMAN
Ketua
Projek Penyelidikan

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah, cabaran dalaman dan cabaran luaran yang dihadapi dalam perniagaan serta faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan wanita bumiputera Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negeri Melaka. Di samping itu, kajian ini turut mengenalpasti dan mengukur hubungan prestasi perniagaan dengan faktor-faktor kejayaan yang dikenalpasti. Borang soal selidik dan temubual telah digunakan sebagai instrumen kajian dalam pengumpulan data dan diedarkan kepada 110 orang usahawan wanita bumiputera PKS di tiga buah daerah di negeri Melaka iaitu Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin. PKS juga dibahagikan kepada lima sektor iaitu sektor pembuatan, perkhidmatan, peruncitan, perniagaan am dan perternakan atau pertanian. Metodologi kajian ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data yang diperolehi seterusnya dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Packages For Social Science (SPSS) 16.0* dan dibentangkan dalam bentuk deskriptif seperti carta pai, carta bar dan skor min. Untuk mengenalpasti hubungan antara prestasi perniagaan dan faktor-faktor kejayaan, ujian korelasi dilakukan. Penemuan kajian menunjukkan masalah utama usahawan wanita bumiputera PKS adalah persaingan kemudian diikuti oleh kekurangan sumber modal dan masalah penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan perniagaan. Cabaran dalaman usahawan wanita PKS yang utama adalah keyakinan diri manakala cabaran luaran yang utama adalah cabaran daripada keluarga terdekat. Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan wanita PKS yang tertinggi pula minat yang tinggi. Kajian juga mendapati hubungan prestasi perniagaan usahawan wanita bumiputera PKS dengan faktor-faktor kejayaan adalah lemah dan ini seterusnya menunjukkan prestasi perniagaan tidak dipengaruhi atau bersandar sepenuhnya oleh faktor-faktor kejayaan yang dikenalpasti.